

## RANGKA KERJA PENYELARASAN SEMULA



MARI MERUNDINGKAN  
SEMULA

# Merundingkan Semula Kontrak Perniagaan dengan Rangka Kerja Penyelarasan Semula

## Menerima Notis Rundingan: Apa yang Dapat Dijangkakan



### 15 Januari hingga 26 Februari 2021: Anda mungkin telah menerima Notis Rundingan

Sebuah Perniagaan yang terjejas yang mahu merundingkan semula kontrak dengan anda mungkin telah mengemukakan Notis Rundingan kepada anda pada bila-bila masa dalam tempoh ini

- Anda boleh menyemak dokumen-dokumen (contoh: penyata kewangan) yang dilampirkan oleh Perniagaan Terjejas untuk mengesahkan kelayakan mereka

### Tempoh Rundingan 4-minggu: Merundingkan semula kontrak

Sejurus Notis Rundingan difailkan:

- Anda dan Perniagaan Terjejas mempunyai empat minggu untuk merundingkan semula kontrak
- Anda digalakkan untuk mengambil peluang ini untuk berbincang, memahami kedudukan satu sama lain dan cuba mencari jalan yang dapat diterima semua pihak. Sebagai contoh, semua pihak boleh bersetuju untuk membatalkan penghantaran barangan yang dipesan sebelum ini, atau mengurangkan sewa buat sementara waktu. Semua pihak juga boleh membuat keputusan sekiranya ia terbaik untuk mereka mengundurkan diri dari kontrak, dan merundingkan cara-cara untuk menamatkan kontrak berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui semua pihak
- Anda dilarang mengambil sebarang tindakan guaman dan penguatkuasaan (contoh: prosiding mahkamah) terhadap Perniagaan Terjejas sekiranya mereka gagal untuk melaksanakan sebarang kewajipan kontrak yang perlu dilakukan sejurus Notis Rundingan dikemukakan

*Sekiranya rundingan semula tidak berjaya*

### Tempoh Bantahan 2-minggu: Anda boleh membantah

Setelah Tempoh Rundingan 4-minggu tamat, sekiranya anda tidak bersetuju bahawa Perniagaan Terjejas layak bagi rangka kerja tersebut, anda boleh mengemukakan Notis Bantahan di [www.go.gov.sg/re-align-objection](http://www.go.gov.sg/re-align-objection)

- Seorang Penilai Bebas\* akan menetapkan kelayakan Perniagaan Terjejas, tarikh penamatan kontrak serta hak dan kewajipan setelah penamatan

Sekiranya anda pemilik hartanah yang kecil dan dalam kesusahan kewangan, anda juga boleh mengemukakan Notis Ganti Rugi di [www.go.gov.sg/re-align-compensation](http://www.go.gov.sg/re-align-compensation)

- Penilai\* akan menetapkan kelayakan anda bagi ganti rugi dari penyewa sekiranya persetujuan pajakan atau lesen ditamatkan awal

Kontrak akan diteruskan sehingga ketetapan bagi kelayakan Perniagaan Terjejas dikeluarkan

**Sekiranya anda tidak mengemukakan Notis Bantahan, kontrak akan dianggap sudah ditamatkan dua hari selepas Tempoh Bantahan 2-minggu berakhir**

- Perniagaan Terjejas masih perlu menunaikan segala hutang dan kewajipan yang tertunggak sehingga tarikh penamatan
- Perniagaan Terjejas tidak perlu membayar penalti penamatan awal dan menunaikan kewajipan di masa hadapan setelah tarikh penamatan

### Tempoh 2-minggu bagi Notis Penyesuaian Semula: Permohonan bagi penyesuaian hak dan kewajipan, jika perlu

Setelah Tempoh Bantahan 2-minggu berakhir, dan sekiranya anda tidak mendapat persetujuan tentang hak dan tanggungjawab semua pihak setelah penamatan kontrak, anda atau Perniagaan Terjejas boleh mengemukakan Notis Penyesuaian bagi seorang Penilai membuat ketetapan\* mengenai penyesuaian hak dan kewajipan di bawah kontrak

\* Semua ketetapan Penilai adalah muktamad dan rayuan tidak boleh dikemukakan. Semua pihak boleh mendapatkan nasihat undang-undang sekiranya mereka mahu, namun perwakilan guaman tidak akan dibenarkan dalam proses ketetapan